

09/08/2003

Meja Bulat Korporat

BEBERAPA ketua industri dan pemimpin korporat menubuhkan `Meja Bulat Korporat Malaysia' untuk menjadi jambatan antara kerajaan dan perniagaan sejajar dengan prinsip Persyarikatan Malaysia.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh urus setia badan itu, meja bulat itu akan diterajui tiga pengerusi bersama, iaitu Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Telekom Malaysia Bhd, Tan Sri Ir Md Radzi Mansor; dan Pengerusi Eksekutif Konsortium Logistik Bhd, Mirzan Mahathir.

Katanya, 13 ketua eksekutif membentuk lembaga meja bulan itu termasuk Naib Pengerusi Eksekutif Road Builder (M) Holdings Bhd, Tan Sri Dr Chua Hock Chin; Presiden dan Ketua Eksekutif Tenaga Nasional Bhd, Datuk Pian Sukro; dan Pengarah Urusan dan Ketua Ekskutif United Engineers (M) Bhd, Abdul Wahid Omar.